

Peluang kedua UMS tidak disia-siakan

UB 21.11.2017 B1

PELUANG kedua yang diberikan Universiti Malaysia Sabah (UMS) tidak disia-siakan graduan Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial dengan kepujian dalam bidang Geografi Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan UMS, Kelly Jauding, bagi menempah kejayaan dalam pendidikan.

Kelly, 23, berkata peluang melalui program Merobah Idea Menjadi Realiti (Meniti) khas golongan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (B40) itu umpama satu keajaiban selepas gagal mendapat tawaran melanjutkan pengajian ke institut pengajian tinggi awam (IPTA) melalui Unit Pengurusan Kemasukan Pelajar (UPU).

“Walaupun keputusan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) tidak memuaskan, saya tetap membuat permohonan masuk ke IPTA tetapi gagal dan tidak tahu hala tuju selepas itu.

“Semasa saya bekerja bersama pakcik saya di Tamparuli, saya mendapat panggilan daripada sekolah lama menyatakan pihak UMS akan datang ke rumah saya untuk menghantar surat tawaran kemasukan ke IPTA.

“Bila mendapat tahu perkara itu, saya rasa sangat gembira kerana

tidak menjangkakan keajaiban akan berlaku dalam hidup ini,” katanya kepada media pada Majlis Konvokesyen ke-19 UMS, di Kota Kinabalu pada Ahad.

Anak jati Kampung Dalamasom, Kota Marudu yang hanya mendapat Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) 2.25 pada STPM itu menjadikan peluang yang diberikan oleh UMS sebagai dorongan untuk terus berusaha sehingga berjaya.

Sejak semester pertama di UMS, Kelly telah menetapkan matlamat untuk mencapai keputusan yang cemerlang.

“Saya selalu beringat bagaimana saya boleh berada di universiti. Ia adalah peluang kedua yang saya tidak boleh sia-siakan dan ini menjadi pendorong saya selama menjadi pelajar di UMS.

“Sepanjang pengajian, lima kali saya menerima anugerah dekan dan menjadikan PNGK 3.73 ketika ini,”

katanya.

Beliau yang juga menerima hadiah Zainal Abidin Bador pada majlis berkenaan turut menyatakan selain usaha UMS dalam memban-

tu golongan B40, abangnya turut menjadi pendorong kuat bagi merealisasikan impian itu.

“Selain itu, yang menjadi pendorong dan menguatkan semangat untuk berjaya adalah saya ingin teruskan hasrat abang saya yang tidak tercapai.

“Ini kerana, abang sulung saya pernah diterima masuk ke Universiti Teknologi Mara (UiTM), tetapi hanya dapat menghabiskan satu semester disebabkan masalah

tidak dapat dielakkan,” katanya.

Dalam pada itu, Kelly menasihatkan pelajar UMS melalui program Meniti agar tidak

mensia-siakan peluang yang diberikan.

Katanya tanpa platform UMS itu, dia tidak berpeluang menyambung pengajian.

Kini, beliau menyimpan hasrat tinggi untuk melanjutkan lagi pengajian Ijazah Sarjananya dalam bidang yang sama di UMS.

Sementara itu, graduan Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial dengan Kejujian (Sejarah) Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan Rohany Gabi, 25, menjadikan peristiwa lampau sebagai pembakar semangat untuk berjaya di peringkat lebih tinggi.

Beliau menceritakan telah disahkan menghidap kanser tulang tahap akhir pada Mei 2004 ketika berumur 12 tahun.

Katanya penyakit itu telah merebak ke saraf kaki kanan dan paru-paru kanannya. Selepas beberapa tahun, ia juga telah merebak ke tempat lain dan menghampiri hati selain merebak ke pinggul kirinya.

“Doktor pernah berkata kaki saya mustahil untuk disela-

matkan dan saya telah menjalani rawatan selama sembilan tahun iaitu dari 2004 sehingga 2013.

“Namun 2013 adalah tahun saya disahkan bebas kanser,” katanya.

Walaupun bersekolah seperti biasa, tetapi Rohany tidak dapat menduduki Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) dan Penilaian Menengah Rendah (PMR) kerana kanser itu telah merebak.

“Namun saya berjaya menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada 2011 dan pada tahun itu berlaku kemalangan dalam kelas yang mana menyebabkan kaki kanan saya patah.

“Sepanjang perjuangan saya ini, saya beberapa kali jatuh, tertekan dan pernah mencuba untuk membunuh diri, katanya.

Namun kekuatannya untuk terus belajar adalah arwah abang yang menjadi pelajar cemerlang UPSR suatu ketika dulu. Walaupun Rohany tidak pernah mengenalinya namun mendapat tahu mengenai pencapaian abangnya daripada cerita orang lain. **Oleh ALFRED PETRUS**



KELLY (kiri) bergambar bersama Rohany (kanan) pada majlis konvokesyen itu.